

TRANSKRIP TEMU BUAL PELAJAR 2

Syakira, Verbatim Temu bual Pelajar 2, SMKA, (02.07.2013), (5:15)

1 S, TB, P2, SMK A, (02072013), (5.15)

2

3 **Pengkaji**

4 Assalamualaikum dan selamat pagi. Hari ini cikgu ingin menebual anda berkaitan
5 dengan alam sekitar. Apa yang anda faham tentang pendidikan alam sekitar?

6 **Pelajar**

7 Waalaikumussalam. Emm... Pendidikan Alam Sekitar ialah pembelajaran mengenai
8 emm... cara-cara menjaga alam sekitar supaya sentiasa bersih cantik dan selesa.

9

10 **Pengkaji**

11 Apakah pula penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

12 **Pelajar**

13 Emm... Pendidikan Alam Sekitar **dikaitkan** semasa kami belajar mata pelajaran teras
14 emm... seperti Geografi, Biologi, Pendidikan Agama Islam dan Bahasa Melayu. Emm...
15 contohnya semasa kami belajar Pendidikan Agama Islam ketika mengajar tentang adab,
16 Ustaz emm... ada menegaskan bahawa kita perlu sentiasa menjaga kebersihan emm...
17 alam sekitar dan kebersihan diri kerana kebersihan sebahagian daripada iman.

18

19 **Pengkaji**

20 Bagaimanakah anda belajar tentang pendidikan alam sekitar di rumah?

21 **Pelajar**

22 Emm... di rumah ibu bapa saya akan emm... akan **menegaskan** mengenai kebersihan
23 alam sekitar emm... di kawasan rumah. Jika saya melakukan kesalahan seperti
24 membuang sampah merata-rata tempat mereka akan **memberi amaran** dan **menasihati**
25 saya supaya saya akan lebih menjaga dan **menghargai alam sekitar**. Kadang-kala kami
26 akan **berbincang** tentang cara-cara untuk mengindahkan lagi kawasan persekitaran di
27 rumah seperti menanam pokok-pokok bunga em... dan membuat taman dihadapan rumah.

28

29 **Pengkaji**

30 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam Sekitar
31 di rumah?

32 **Pelajar**

33 Emm... saya tak mempunyai banyak masa. Hal ini kerana aa... masa yang ada saya
34 gunakan untuk mengulang kaji pelajaran serta membantu ibu saya melakukan kerja-kerja
35 rumah. Selain itu, di rumah saya tiada tempat khas untuk pembakaran sampah aa... yang
36 boleh mengelakan daripada emm... pembakaran terbuka.

37

38 **Pengkaji**

39 Di sekolah, bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa
40 pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?

41 **Pelajar**

42 Emm... kami menjalankan eksperimen tentang emm.. tahap pencemaran air di dalam
43 makmal. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu kami untuk memahami dengan lebih
44 mendalam tentang masalah-masalah pencemaran. Saya juga aa... diberikan latihan tubi
45 emm... yang berkaitan dengan masalah alam sekitar. Dalam mata pelajaran Bahasa
46 Melayu kami dikehendaki membuat karangan ransangan tentang kesan-kesan
47 pencemaran alam sekitar.

48

49 **Pengkaji**

50 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam Sekitar

51 semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?

52 **Pelajar**

53 Emm... masalah yang saya hadapi ialah Pendidikan Alam Sekitar kurang ditekankan
54 dalam kelas. Aa... guru saya hanya menyelitkan sedikit sahaja mengenai pencemaran
55 alam sekitar. Saya juga kurang memahami istilah-istilah yang digunakan seperti lapisan
56 ozon, eutrofikasi dan lain-lain.

57

58 **Pengkaji**

59 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa aktiviti ko-
60 kurikulum di sekolah?

61 **Pelajar**

62 Emm... aktiviti ko-kurikulum di sekolah emm... seperti Kelab Pengguna dan Kelab
63 Rekreasi juga menitik beratkan mengenai kebersihan alam sekitar. Emm... salah satu dari
64 aktiviti kelab yang dijalankan emm... adalah **mencipta sesuatu daripada bahan**
65 **terbuang** emm... seperti botol, kotak, kertas dan lain-lain.

66

67 **Pengkaji**

68 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa belajar tentang Pendidikan Alam
69 Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?

70 **Pelajar**

71 Emm... diantara masalahnya ialah kurang aktiviti yang berkaitan dengan alam sekitar.
72 Selain itu, waktu ko-ko yang dijalankan juga agak singkat.

73

74 **Pengkaji**

75 Selain dari pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta melalui aktiviti ko-
76 kurikulum, apakah cara lain anda dapat mempelajari Pendidikan Alam Sekitar di sekolah?

77

78 **Pelajar**

79 Emm... kami juga dapat mempelajari alam sekitar melalui buku-buku tentang alam
80 sekitar yang terdapat di perpustakaan sekolah. Contohnya, buku National Geography,
81 majalah-majalah dan surat khabar.

82

83 **Pengkaji**

84 Pada pandangan anda, adakah Pendidikan Alam Sekitar yang ada sekarang ini memadai
85 untuk kesejahteraan hidup di masa akan datang? Terangkan.

86 **Pelajar**

87 Bagi saya ianya tidak memadai aa... kerana pelajar kurang minat dan kesedaran tentang
88 Pendidikan Alam Sekitar emm... kerana pendedahan yang terlalu sedikit mengakibatkan
89 mereka kurang prihatin tentang kepentingan alam sekitar aa... pada masa hadapan.